



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

SIARAN MEDIA

AIR 2040 BAKAL JADIKAN MALAYSIA SEBAGAI HAB AIR SERANTAU

KUALA LUMPUR, 29 Oktober 2024 – Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof telah hadir ke Majlis Perasmian Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 (AIR 2040) di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur hari ini.

Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 (AIR 2040) berpotensi memacu Malaysia sebagai hab utama sektor air bagi negara-negara serantau. Sebagai salah satu agenda nasional, AIR 2040 bertujuan mentransformasikan sektor air negara menjadi mampan dan pemangkin pembangunan ekonomi, menjamin bekalan air berkualiti dan memajukan bidang sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE).

YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof dalam ucapannya menekankan bahawa peningkatan pelaburan dalam teknologi air, penyelidikan dan pembangunan kemahiran mampu menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dalam sektor ini. Langkah ini bukan sahaja bakal menarik pelaburan asing, malahan turut mewujudkan peluang pekerjaan berkualiti untuk rakyat Malaysia.

AIR 2040 yang dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun menerusi empat fasa di bawah Rancangan Malaysia ini bakal memacu keterjaminan dalam aspek kesejahteraan rakyat melalui penerapan **lapan (8) pemacu perubahan** untuk memperkasa lanskap sektor air negara secara holistik, iaitu:

i. pembiayaan alternatif - pembangunan model perniagaan dan kewangan baharu untuk memastikan sektor industri air berdaya saing, menarik dan menguntungkan;

ii. sektor ekonomi baharu - sektor air sebagai sebuah sektor ekonomi baharu negara;

iii. adaptasi perubahan iklim – kesiapsiagaan untuk mengurangkan impak risiko air terhadap infrastruktur dan masyarakat (peningkatan tahap perlindungan (ARI) reka bentuk struktur) dalam usaha mempersiapkan situasi rakyat bagi menghadapi impak perubahan iklim.

iv. air maya dan jejak air - mengenalpasti kegunaan **air maya** (air yang diperlukan dalam penghasilan suatu produk pertanian atau kegunaan kehidupan seharian seperti yang terkandung dalam makanan seperti sayuran dan buah) dan **jejak air** (proses kiraan air secara saintifik bermula dari bahan mentah sehingga proses akhir pengeluaran sesuatu produk) dalam sektor ekonomi;

v. advokasi dan kesedaran awam - peningkatan kesedaran yang ketara terhadap konsep Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM)

merentasi semua peringkat.;

vi. integrasi data - penubuhan Pusat Data dan Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (RDIC) untuk membangunkan kepakaran dan teknologi inovatif dalam sektor air;

vii. teknologi pintar - kesiapsiagaan sektor air ke arah pelaksanaan IR4.0 dan penggunaan teknologi pintar untuk pembangunan sektor air secara total; dan

viii. Nexus Tenaga-Makanan-Air - pengurusan sumber air secara mampan bagi memastikan kesinambungan sosial dan ekonomi negara.

Menjelang tahun 2040, air bakal menjadi aset ekonomi yang signifikan kerana potensinya untuk menjana pendapatan adalah besar meskipun buat masa ini pengurusannya belum memberikan pulangan ekonomi yang optimum. Sebagai perbandingan, sektor industri berintensifkan tenaga kini menyumbang kira-kira 28% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan 25% daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja negara. Manakala sumbangan sektor air adalah jauh lebih rendah dan masih tidak dapat dikira dengan tepat.

Dalam memastikan kejayaan AIR 2040, Kerajaan akan mengukuhkan kawalan terhadap pencemaran dan keberkesanan pengurusan sumber air. Kerjasama dan sokongan daripada semua pihak, termasuk sektor awam, swasta, komuniti, dan organisasi bukan kerajaan, adalah amat penting bagi memastikan pelaksanaan AIR 2040 dapat dilaksanakan

dengan jayanya serta mencapai keberhasilan yang dihasratkan. Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 membawa manfaat besar kepada kesejahteraan rakyat dengan menjamin bekalan air bersih yang konsisten dan berkualiti, penting untuk kesihatan dan kehidupan seharian. Pengurusan air yang lebih cekap mampu mengurangkan risiko bencana seperti banjir dan kemarau demi memastikan keselamatan dan kestabilan persekitaran bagi komuniti di seluruh negara.

**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
29 OKTOBER 2024**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

